

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 1 DISEMBER 2015

RUJUKAN : 8405

SOALAN:

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) jumlah orang termasuk Ahli-Ahli Parlimen yang telah dilarang oleh Kerajaan daripada melawat ke luar negara; dan
- (b) berikan sebab-sebab tertentu terhadap larangan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 19 Oktober 2015, seramai 468,787 orang warganegara Malaysia telah dilarang keluar negara atas pelbagai sebab seperti perintah mahkamah, tidak melangsaikan cukai pendapatan, tidak membayar hutang bank, PTPTN dan sebagainya.**

Untuk makluman dewan yang mulia ini, Jabatan Imigresen Malaysia tidak menyimpan rekod berdasarkan butiran kerjaya seseorang sama ada mereka adalah Ahli Yang Berhormat ataupun bukan.

Manakala, jumlah orang yang disenaraihitamkan akan berubah dari semasa ke semasa berdasarkan arahan dari agensi-agensi yang berkaitan. Ingin dimaklumkan juga bahawa mana-mana individu yang mempunyai keraguan serta ingin menyemak status kebenaran keluar, mereka boleh berbuat demikian dengan menggunakan sistem semakan secara *online* di laman web Jabatan Imigresen Malaysia.

(b) Sebab-sebab tertentu terhadap larangan tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) ada perintah larangan dari pihak mahkamah atas sebab-sebab tertentu;**
- (ii) pernah ada rekod jenayah sama ada dalam ataupun di luar Negara;**
- (iii) tidak membayar cukai pendapatan;**
- (iv) tidak membayar hutang dengan pihak agensi yang diiktiraf Kerajaan; dan**
- (v) arahan semasa ke semasa oleh pihak Kerajaan sama ada Persekutuan mahu pun negeri atas sebab-sebab yang boleh memudaratkan kestabilan dan kesejahteraan rakyat Malaysia secara khususnya.**